



28 Apr 2016

Sinar Harian, Malaysia

Author: No author available • Section: Nasional • Page: 40 • Printed Size: 132.00cm<sup>2</sup>  
Market: KL • Country: Malaysia • Photo: Full Color • Ad Value: MYR 1,930.00  
PR value: MYR 5,790.00 • Item ID: MY0025886418



[isentia.mediaportal](http://isentia.mediaportal)

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

Page 1 of 1

## Usul wujudkan laluan khas ke hospital dalam UiTM



IRMOHIZAM

**PUNCAK ALAM** – Pihak berwajib diminta mempertimbangkan cadangan membina laluan alternatif ke hospital yang akan dibina dalam kawasan Universiti Teknologi Mara (UiTM) Kampus Puncak Alam.

Ahli Parlimen Kuala Selangor, Datuk Irmohizam Ibrahim berkata, cadangan itu perlu diberi perhatian kerana dikhuatiri berlaku kesesakan dalam kawasan UiTM Puncak Alam.

"Jalan sedia ada mungkin sesak dengan penambahan jumlah penuntut dari tahun ke tahun dan per-

lu ada lorong kecemasan khas untuk ke hospital.

"Saya harap pihak berwajib dapat mempertimbangkan cadangan ini untuk memenuhi keperluan masa depan," katanya.

Menurutnya, pembinaan hospital yang diumumkan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak pastinya memberi kelegaan kepada penduduk setempat tanpa perlu ke Klang dan Sungai Buloh untuk mendapatkan rawatan.

"Tak mustahil, hospital untuk pelajar perubatan itu bakal memberi

manfaat kepada penduduk Kuala Selangor dan Kapar yang melibatkan lebih 200,000 penduduk.

"Sehubungan itu, saya mohon kerajaan negeri dapat memberi kerjasama dan mencari jalan alternatif bersesuaian untuk orang ramai ke hospital itu bila ia siap nanti," katanya.

Katanya, pihak bertanggungjawab dengan projek pembinaan hospital itu perlu segera berbincang untuk mewujudkan laluan alternatif demi kepentingan bersama.



28 Apr 2016  
Sinar Harian, Malaysia

Author: No author available • Section: Nasional • Page: 40 • Printed Size: 36.00cm<sup>2</sup>  
Market: KL • Country: Malaysia • Photo: Black/white • Ad Value: MYR 310.15  
PR value: MYR 930.45 • Item ID: MY0025886419

 isentia.mediaportal

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.



## Gotong-royong Perdana PNHB

**PUNCAK ALAM** - Puncak Niaga Holdings Berhad (PNHB) akan mengadakan Gotong-Royong Perdana Siri ke-2 di Puncak Alam Housing Sdn Bhd, Sabtu ini.

Program bermula kira-kira jam 7.30 pagi itu turut dihadiri Pengerusi PNHB, Tan Sri Rozali Ismail bersama sembilan anak syarikat, PDRM, pejabat kesihatan dan Majlis Daerah Kuala Selangor (MDKS).

Turut sama, Jabatan Pengairan dan Saliran, ahli Kelab Remaja Masjid Puncak Alam, penuntut Universiti Teknologi Mara (UiTM) Kampus Shah Alam, Storm Rider Junior serta Tesco.



28 Apr 2016

Sinar Harian, Malaysia

Author: No author available • Section: Nasional • Page: 36 • Printed Size: 211.00cm<sup>2</sup>  
Market: KL • Country: Malaysia • Photo: Full Color • Ad Value: MYR 3,085.88  
PR value: MYR 9,257.64 • Item ID: MY0025886412



isentia.mediaportal

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

Page 1 of 1

# Lima tahun penduduk terpaksa guna jalan rosak, berlubang

**SUBANG BESTARI** - Jalan rosak dan berlubang umpama mimpi ngeri buat pengguna jalan raya setiap kali melalui Persiaran Atmosfera di Seksyen 5 dekat sini.

Permukaan jalan bukan sahaja rosak teruk tetapi turut berlubang menyebabkan air bertakung sehingga paras betis lelaki dewasa.

Keadaan jalan yang rosak itu bukan sahaja menjejaskan imej Selangor sebagai sebuah negeri yang maju tetapi turut mengancam keselamatan pengguna.

Difahamkan, jalan yang menghubungkan Kota Damansara ke Lebuhraya Guhtrie itu merupakan laluan utama digunakan penduduk di kawasan berkenaan.

Seorang pengguna yang ditemui, Othman Ali, 53, berkata, mereka berhadapan masalah itu sejak lima tahun lalu namun tiada usaha yang dibuat pihak berkaitan untuk membaikinya.

"Saya tidak faham kenapa pihak berkuasa tempatan membiarkan jalan ini rosak teruk walhal jalan ini jalan utama keluar masuk ke kawasan ini," katanya.

Selain itu, sikap pemandu juga dilihat seolah-olah tidak mempedulikan keselamatan pengguna lain dengan

memandu secara berbahaya.

"Setiap kali cuaca hujan kami terpaksa lebih berhati-hati agar tidak berlaku kemalangan," katanya sambil menunjukkan lopak mengandungi air sedalam satu kaki.

"Ada pengguna ambil tindakan sendiri masuk ke laluan arah bertentangan untuk mengelak jalan rosak sehingga menyebabkan risiko tinggi berlakunya kemalangan," katanya.

Seorang lagi, Sharul Kamal Mustafa, 31, berkata, kegagalan pihak berkuasa tempatan membaiki jalan tersebut amat dikesali memandangkan

aduan telah pun dibuat beberapa kali.

"Mustahil mereka tak tahu kedudukan Kompleks Pejabat Daerah Petaling hanya 400 meter dari jalan ini," katanya.

Sementara itu Adun Kota Damansara, Halimaton Saadiah Bohan menggesa kerajaan Selangor mengambil tindakan segera.

"Sebenarnya saya terima banyak aduan daripada penduduk. Keadaan jalan sangat mendukacitakan. Saya harap masalah ini dapat diselesaikan sebelum perkara tidak diingini berlaku," katanya.



Pengguna mahu pihak bertanggungjawab membaiki segera jalan yang menjadi laluan utama mereka menjelang urusan seharian.



28 Apr 2016  
Sinar Harian, Malaysia

Author: No author available • Section: Nasional • Page: 40 • Printed Size: 27.00cm<sup>2</sup>  
Market: KL • Country: Malaysia • Photo: Black/white • Ad Value: MYR 232.62  
PR value: MYR 697.86 • Item ID: MY0025886420



 isentia.mediaportal

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

Page 1 of 1

## Cuti-cuti di Kuala Selangor MDKS

**KUALA SELANGOR** - Majlis Daerah Kuala Selangor (MDKS) akan menganjurkan Jom Cuti-Cuti Kuala Selangor di Taman Ikan Air Tawar, Sabtu ini.

Program itu menyediakan pelbagai aktiviti menarik untuk seisi keluarga antaranya, pertandingan canting batik, mewarna dan sukaneka.

Maklumat lanjut boleh hubungi Nurul Afifah Emam Murhit menerusi 03-32891439 sambungan 110.



# Mengadu tak tahan bunyi bising

Penduduk Sri Teratai Apartmen minta bina pengadang bunyi, operasi LRT bersebelahan ganggu ketenteraman awam

■ NUR FARHANA ABDUL MANAN

**PUCHONG** - Penduduk Sri Teratai Apartmen di Puchong Jaya di sini mengadu terganggu dengan bunyi bising dari landasan transit aliran ringan (LRT) berdekatan kediaman diduduki mereka bersebelahan Lebuhraya Bukit Jalil.

Penduduk mendakwa terpaksa berdepan dengan masalah itu setelah kemudahan pengangkutan awam itu mula beroperasi beberapa bulan lalu dari jam 5.30

pagi hingga 11 malam setiap hari.

Wakil penduduk, Yee Thien Vui, 43, berkata, bunyi yang didengari dalam rumah lebih kuat berbanding jika didengari di kawasan luar pangsapuri tersebut.

"Kami rasa terganggu terutama bila tren LRT mula operasi waktu pagi, saya minta Prasarana Malaysia Berhad (Prasarana), pasang pengadang bunyi di landasan berdekatan rumah kami," katanya.

Lau Sieh Long, 32, pula berkata, dia kasihan dengan bayi dan warga emas yang turut diganggu dengan bunyi bising.

"Setiap kali tren lalu, mereka rasa terganggu...ada yang sampai tak boleh tidur lena.

"Pengadang bunyi ada tapi ia hanya dipasang separuh jalan, tak sampai ke landasan yang hampir dengan perumahan kami," katanya.

Penduduk Bandar Kinrara 3 pula, Gek N Tan, 64, memaklumkan, kedudukan landasan LRT terletak kira-kira 20 meter dari rumahnya menyebabkan dia turut terkena tempias bunyi

bising itu.

Katanya, setiap kali tren melalui landasan dia mendengar bunyi sangat kuat terutama ketika sedang memasak di dapur.

"Bayangkanlah tren belum sampai sini, tapi bunyi dah dengar dulu...lepas tu bila melintasi depan rumah bunyi jadi makin kuat tapi bila ia lalu kawasan selepas rumah, bunyinya berkurangan kerana di situ ada pengadang bunyi.

"Saya harap pengadang bunyi juga dipasang pada landasan berdekatan rumah teres yang saya duduki kerana ia sangat membantu mengatasi masalah itu," katanya.

## Terima banyak aduan

Adun Kinrara, Ng Sze Han berkata, beliau menerima banyak aduan selepas kemudahan LRT beroperasi antaranya bunyi bising dari tren yang melalui landasan.

Katanya, beliau sudah bertemu wakil Prasarana dan Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ) untuk meninjau masalah dihadapi penduduk.

"Atas nasihat Prasarana, penduduk akan kemukakan aduan secara rasmi kepada pengendali kemudahan itu supaya ujian dapat dibuat bagi menentukan sama ada paras bunyi melebihi yang ditetapkan.

"Wakil Prasarana beritahu mereka tiada halangan untuk memasang pengadang bunyi sekiranya laporan dikeluarkan menunjukkan paras bunyi melebihi yang sepatutnya," katanya.

Sementara itu, Ketua Projek Penyambungan Jajaran LRT laluan (LEP) Ampang, Ahmad Kamal Md Yatim berkata, pihaknya kini mengumpul aduan penduduk berhubung isu bunyi bising dari landasan LRT.

Katanya, pemantauan akan dibuat sekali lagi sebelum laporan komprehensif dikeluarkan untuk mengenal pasti sekiranya ada kawasan yang menghasilkan kadar bunyi melebihi 65 'decibel' pada waktu malam.

"Selepas laporan keluar barulah boleh ditentukan kawasan mana perlu dipasang pengadang bunyi, namun prosesnya mungkin ambil masa hampir enam bulan," katanya.



“Pemantauan akan dibuat sekali lagi sebelum laporan komprehensif dikeluarkan untuk mengenal pasti sekiranya ada kawasan yang menghasilkan kadar bunyi melebihi 65 ‘decibel’ pada waktu malam.” - Kamal



28 Apr 2016  
Sinar Harian, Malaysia

Author: Nur Farhana Abdul Manan • Section: Nasional • Page: 38  
Printed Size: 699.00cm<sup>2</sup> • Market: KL • Country: Malaysia • Photo: Full Color  
Ad Value: MYR 10,222.88 • PR value: MYR 30,668.64 • Item ID: MY0025886414



isentia.mediaportal

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.



Penduduk minta pihak berkaitan membina pengadang bunyi sebagai langkah mengatasi masalah berkenaan.



28 Apr 2016  
Sinar Harian, Malaysia

Author: Nur Farhana Abdul Manan • Section: Nasional • Page: 38  
Printed Size: 699.00cm<sup>2</sup> • Market: KL • Country: Malaysia • Photo: Full Color  
Ad Value: MYR 10,222.88 • PR value: MYR 30,668.64 • Item ID: MY0025886414

[isentia.mediaportal](http://isentia.mediaportal)

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.



Penduduk mengadu kepada Sze Han (tiga, kiri) mengenai bunyi bising dari tren yang melalui landasan berdekatan Sri Teratai Apartmen.



# Jentera serangan masih tumpul

**SELANGOR** tidak akan mengambil mudah aksi terakhir Kumpulan E Piala AFC menentang Tampines Rovers di Stadium Nasional Singapura pada 10 Mei ini.

Ketua jurulatihnya, Zainal Abidin Hassan berkata, walaupun Gergasi Merah hanya memerlukan keputusan seri untuk layak ke peringkat kalah mati, pasukan itu tetap perlu berwaspada dengan saingan sengit dari kelab seberang Tambak Johor itu.

Selangor yang terikat 0-0 dengan wakil kelab dari Filipina, Ceres La Salle FC di Stadium Majlis Perbandaran Selayang kelmarin, sekurang-kurangnya memerlukan seri dalam aksi terakhir peringkat kumpulan itu.

Sementara itu, kemenangan 3-2 pasukan tercorot kumpulan, Sheikh Jamal ke atas Tampines Rovers turut membuka peluang kepada Selangor.

Ceres La Salle FC mengesahkan slotnya ke peringkat kalah mati selepas meraih mata kesembilan selepas seri dengan Selangor, manakala Gergasi Merah kini menghuni tempat kedua dengan lapan mata, diekori Tampines Rovers dengan tujuh mata selepas lima perlawanan.

Dalam pada itu, Zainal yang ter-



Pemain Ceres, Martin Steuble (tengah) cuba melepasi kawalan pemain Selangor pada perlawanan Piala AFC di Selayang, kelmarin.

kilan keputusan seri itu meminta jentera serangannya bekerja keras untuk menghasilkan jaringan pada aksi seterusnya.

“Saya memang tak nafikan apabila Patrick Ronaldinho (dibawa) keluar selepas kecederaan, memang ada sedikit kecederaan dalam jentera serangan. Namun pemain tetap mencipta peluang tetapi gagal menyempurnakannya.

“Saya juga kena puji pemain per-

tahanan kerana tak bolos... (mereka) terus mengawal benteng dengan baik, tetapi tanpa gol kita tak dapat menang perlawanan. Mereka harus tahu betapa pentingnya untuk dapatkan gol,” katanya pada sidang media selepas perlawanan itu.

Beliau turut mengesahkan Patrick hanya mengalami kecederaan ringan dan mampu beraksi semula dalam masa tiga atau empat hari lagi.

- Bernama





28 Apr 2016  
Utusan Malaysia, Malaysia

Author: \ • Section: Mega • Page: 1TO3 • Printed Size: 2257.00cm<sup>2</sup> • Market: KL  
Country: Malaysia • Photo: Full Color • Ad Value: MYR 45,017.00  
PR value: MYR 135,051.00 • Item ID: MY0025886649



isentia.mediaportal

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

**UTUSAN MALAYSIA**  
*Mega*

Manfaatkan kepakaran, kemudahan IPT perkasakan peranan zakat

**EJEN KEDUA ZAKAT**



isentia.mediaportal

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

**LEMBAGA ZAKAT SELANGOR**  
Selangor mengumpulkan **RM34.3 JUTA** daripada **12 IPT** yang dilantik sebagai **penolong amil** pada tahun lalu.

Di **UITM** sebanyak **RM8.5 JUTA** berjaya dikutip dan sekitar **RM3.02 juta** diagih kepada **8,324 penerima** pada 2015.

**Pengurusan PZSW, UITM** turut mendapat perhatian dunia apabila dianugerahkan **PENGURUSAN ZAKAT TERBAIK** di Institusi Pengajian Tinggi 2015 sempena **Anugerah Kewangan Islam Global** di Manama, Bahrain.

**PZSW** mengenal pasti **20,000 PENERIMA** yang layak menerima zakat membabitkan **RM16.2 juta** di 12 IPT pada tahun lalu.

### ZAKAT IPT

- Berfungsi sebagai agen kutipan dan agihan zakat di IPT
- Memudahkan kakitangan dan pelajar membayar dan memohon zakat
- Membantu pusat zakat negeri mengenal pasti asnaf memerlukan
- Merupakan talian hayat pelajar untuk meneruskan pengajian walaupun tidak berkemampuan
- PZSW, UITM dianugerahkan Best Zakat Management in Higher Education Institution 2015 bersempena Global Islamic Finance Awards di Manama, Bahrain
- IPT yang terlibat:
  - Universiti Teknologi Mara
  - Universiti Kebangsaan Malaysia
  - Universiti Tenaga Nasional
  - Unitar International Universiti
  - Universiti Islam Antarabangsa Malaysia
  - Universiti Putra Malaysia
  - Universiti Multimedia
  - Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor
  - Infrastructure University Kuala Lumpur
  - Universiti Selangor
  - Management And Science University

### SITUASI MENANG-MENANG

**M**ENJALANKAN kerjasama dengan LZS sejak tahun 1998, ternyata kepercayaan yang diberi untuk menguruskan kutipan dan agihan di UITM merupakan langkah proaktif serta bersifat 'menang-menang' kepada kedua-dua pihak.

Ghfarullahuddin berkata, ia secara tidak langsung meningkatkan jumlah kutipan dan memanfaatkan agihan bagi pusat zakat dan memudahkan kakitangan serta pelajar di IPT untuk membayar atau memohon sumbangan zakat.

"Secara umumnya pengurusan ini berkonsepkan desentralisasi pengurusan zakat negeri yang tidak hanya tertumpu di pejabat induk sahaja. Melalui konsep ini, penolong amil yang dilantik oleh pusat zakat dalam kalangan kakitangan boleh mengutip dan mengagihkan zakat dengan tertakluk sepenuhnya kepada enakmen zakat negeri.

"Pelantikan ini membolehkan IPT berkenaan memantau ibadah zakat warganya dengan perkhidmatan yang mesra di samping diberi kepercayaan mengagihkan sebahagian daripada kutipan zakat IPT ini dalam kalangan warga sendiri.

"LZS, misalnya mengizinkan 50 peratus daripada kutipan zakat IPT diagihkan kepada asnaf yang dikenalpasti berada di kampus berkenaan. Melalui pelantikan rasmi ini, LZS turut memberi separuh upah amil sebanyak 1/16 kepada IPT berkenaan," jelasnya.

Konsep itu juga tambahnya, membuatkan pembayar iaitu dalam kalangan kakitangan IPT lebih berpuas hati dengan zakat yang dikeluarkan kerana diuruskan oleh pusat zakat tempat dia bekerja di samping mengetahui dengan terperinci pengagihannya.





isentia.mediaportal

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

# Melestari kutipan zakat

## IPT bantu lancarkan kutipan, agihan zakat

Oleh MOHD. SHAH CHE AHMAD  
agama@utusan.com.my



**K**ATAKANLAH daripada anggaran satu juta penduduk negara ini berstatus pelajar institusi pengajian tinggi (IPT) dan 10 peratus atau 100,000 daripadanya merupakan golongan asnaf. Secara teorinya, pastinya sukar bagi pusat zakat untuk menguruskan jumlah permohonan sebanyak ini saban tahun.

Ini kerana antara masalah utama yang dihadapi oleh agensi berkenaan adalah kekangan tenaga kerja di pusat kutipan dan agihan zakat untuk mengenalpasti golongan berkenaan di IPT seluruh negara.

Sehingga dilaporkan terdapat pelajar terpaksa mengikat perut kerana masalah kewangan, malah lebih menyedihkan wujud segelintir secara nekad mengambil keputusan berhenti belajar kerana tidak mampu membiayai kos pengajian yang pada masa sama turut bertanggungjawab menampung keluarga mereka.

Natijahnya, pusat yang bertanggungjawab mengumpul dan mengagihkan zakat umat Islam itu terus dipersoal dan dipertikaikan. Pelbagai tanggapan negatif dilemparkan kerana didakwa tidak menjalankan amanah sebaik mungkin.

Sehubungan itu, penglibatan IPT sebagai agen agihan dan kutipan zakat dilihat antara alternatif terbaik dalam menyelesaikan permasalahan tersebut.

Ketua Pusat Zakat, Sedekah dan Wakaf (PZSW) Universiti Teknologi Mara (UiTM), Profesor Madya Dr. Ghafarullahuddin Din berkata, pusat zakat boleh meletakkan tanggungjawab mengutip dan mengagihkan sebahagian zakat dalam kalangan kakitangan dan pelajar IPT kepada pusat zakat IPT.

Perkara itu tambahnya, secara tidak langsung membantu pusat zakat mengenalpasti golongan asnaf di seluruh kawasan di negeri masing-masing dengan lebih efisien dan menyeluruh, selain mengoptimumkan fungsi kakitangan pusat zakat yang terhad.



TIDAK perlu ke kaunter pusat zakat, kerjasama IPT memudahkan pembayar menunaikan zakat.



PENGURUSAN PZSW, UITM, turut mendapat pengiktirafan antarabangsa.

## Bantu jejak keluarga asnaf

**M**ELAKSANAKAN operasi standard ditetapkan pusat zakat, setiap pelajar yang memohon bantuan perlu melalui proses tapisan ketat sebelum diluluskan untuk menerima bantuan zakat.

Ghafarullahuddin berkata, ia bukan bertujuan menyukarkan pelajar memohon bantuan, sebaliknya dapat mengetahui latar belakang pemohon termasuk keadaan keluarganya serta mengelakkan daripada berlakunya penyelewengan.

"Biasanya melalui maklumat yang dinyatakan dalam borang permohonan, proses ini membolehkan PZSW menyalurkan bantuan kepada kategori asnaf yang layak.

"Adakalanya proses temuduga ini berjaya mengenalpasti asnaf baharu yang belum ada data di pusat zakat negeri, sekali gus PZSW berperanan menghubungkan keluarga asnaf berkenaan untuk mendapat bantuan yang lebih menyeluruh dari pusat berkenaan.

Tambahnya, sumbangan tidak hanya tertumpu kepada pelajar semata-mata tetapi menerusi jaringan yang dilakukan turut memberi manfaat kepada keluarga pelajar dalam masa sama membantu pusat zakat menjejak asnaf.

"Kita pernah menangani satu kes iaitu seorang pelajar terpaksa berhenti kerana dikatakan tidak mampu menampung kos pembelajaran disebabkan perlu membahagikan pembiayaan pelajaran diperolehi untuk menanggung keluarganya.

"Apabila dijalankan siasatan didapati ia memang benar.

Ibu pelajar itu sakit dan perlu menjalani rawatan dialisis setiap minggu, ditambah pula dua adiknya yang juga memerlukan rawatan.

"Hasil daripada siasatan itu, PZSW bersama pusat zakat negeri tersebut datang ke rumah asnaf tadi sekali gus meluluskan pelbagai bantuan termasuk kos membiayai rawatan ibu dan adik pelajar itu," katanya.

GHAFARULLAHUDDIN DIN





isentia.mediaportal

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

## Siang belajar, malam bekerja

**B**AGI Abdul Akid Abdul Jalil, 21, dia terpaksa berkorban masa dan tenaga siang malam untuk membahagikan masa belajar serta mencari rezeki bagi menampung kos pengajian.

Lebih menyedihkan, dia yang kini sedang mengikuti pengajian dalam jurusan Perakaunan, UiTM tidak layak menerima bantuan pembiayaan pendidikan daripada mana-mana agensi berikutan masalah teknikal ketika proses pendaftaran.

"Ayah hanyalah pesara tentera dan kini bertugas sebagai pengawal keselamatan. Berbekalkan pendapatan tidak seberapa itu ia perlu dibahagikan untuk membiayai perbelanjaan di rumah dan kos persekolahan lima lagi adik beradik.



**ABDUL AKID ABDUL JALIL**

"Tambah pula kos pengajian dalam jurusan saya ini lebih tinggi berbanding bidang lain. Berat bagi saya hendak menambah beban ayah untuk menampung perbelanjaan pengajian.

"Oleh itu, saya bekerja sebagai jurujual separuh masa pada setiap hari selepas waktu kelas dari pukul 6 sehingga 10 malam. Cukuplah sekadar menampung belanja makan minum harian saya dan serba sedikit kos pengajian," katanya.

Abdul Akid menerima bantuan pendidikan daripada PZSW termasuk yuran peperiksaan dan menyelesaikan tunggakan yuran peperiksaan selama tiga semester berturut-turut.

# Peluang survival asnaf

### Bantuan zakat dianggap pintu keluar kemelut dihadapi asnaf

**S**ANGGUP berjalan kaki sejauh lebih lima kilometer di bawah terik matahari sambil mendukung anak kecil. Begitulah keadaan pernah dilalui oleh Junaidah Mohd. Isa, 38, yang terpaksa memerah keringat dan menebalkan muka bagi memohon bantuan.

Bukan sesekali ingin meminta-minta, namun ibu kepada 10 orang anak itu terpaksa berbuat demikian selepas buntu mencari jalan bagi menampung perbelanjaan harian dan persekolahan kesemua anaknya.

Lebih sulit apabila lebih separuh masa dan pendapatan yang ada terpaksa di peruntukkan untuk membiayai kos perubahan dua daripada anaknya yang mengalami penyakit jarang jumpa sejak lahir.

Berkongsi kesukaran hidup yang dialami, penerima zakat dari Pusat Zakat, Sedekah dan Wakaf (PZSW), Universiti Teknologi Mara (UiTM) itu berkata, dia tidak pernah terfikir akan mengalami kesempitan seperti itu, namun takdir kelahiran anak kesembilan dan ke-10 itu mengubah segala-galanya.

Junaidah berkata, mengharapkan kepada pendapatan suaminya, Mohd. Zaki Udin, 41, yang bekerja sebagai buruh di Brunei pada ketika itu, hanya cukup-cukup untuk menampung perbelanjaan keluarga.

"Boleh dikatakan hampir setiap hari kami terpaksa berulung alik ke klinik dan hospital bagi menjalani rawatan susulan dan kadang kala hingga dua atau tiga kali sehari, situasi ini menyukarkan kami untuk mencari alternatif sumber pendapatan lain.

"Malah, suami saya juga terpaksa berhenti



**BANTUAN zakat UiTM dianggap peluang kedua bagi Junaidah Mohd. Isa (dua dari kiri) dan suaminya Mohd. Zaki Udin (dua dari kanan) mengharungi kesulitan hidup yang dialami.**

kerja di Brunei kerana perlu berulung alik ke Malaysia. Sejak berkahwin sehinggalah lapan orang anak sebelum ini pendapatan kami cukup untuk menampung perbelanjaan keluarga, namun dugaan daripada Allah SWT membuatkan kami terpaksa memohon bantuan zakat," katanya ketika ditemui, baru-baru ini.

Junaidah berkata, usahanya memohon bantuan daripada PZSW ternyata membuka pintu keluar daripada kesempitan hidup yang dihadapi apabila pelbagai bantuan diperolehi.

"Bukan sahaja bantuan kecemasan, pelbagai bantuan lain kami terima sejak 2012 sehingga kini termasuk bantuan

modal perniagaan, bantuan perubatan dan terbaru bantuan rumah sementara.

"Malah, PZSW turut menawarkan kepada kami projek di UiTM seperti penyediaan makanan majlis terbuka puasa setiap Isnin dan Khamis dan menyediakan tempahan makanan kepada mana-mana fakulti yang mengadakan program serta kontrak bersama sebuah sekolah tahfiz di Shah Alam.

"Kami sangat bersyukur dengan bantuan yang diberikan, dan kami akan berusaha bersungguh-sungguh memanfaatkan sumbangan ini sehingga akhirnya tidak lagi terpaksa bergantung kepada pusat zakat," luahnyanya.



**BANTUAN modal zakat UiTM membantu Faliza Talib menjalani kehidupan lebih baik.**

## Hanya guna barang terbuang

**S**EGALA barangan yang terdapat di dalam rumah seorang penerima bantuan zakat PZSW, UiTM, Faliza Talib merupakan barangan kitar semula.

Ini berikutan kesukaran hidup dilalui oleh ibu kepada lima orang anak itu untuk membantu suaminya, seorang buruh bagi menampung keluarga. Kesempitan itu semakin perit apabila suaminya perlu kembali ke kampung untuk menjaga orang tuanya yang uzur.

Prihatin terhadap nasib menimpa Faliza, PZSW tampil menghulurkan bantuan modal dengan menyumbangkan peralatan mesin menjahit kepada bekas graduan Fesyen UiTM itu untuk menjalankan perniagaan.

Walaupun dilihat tidak seberapa, namun bagi Faliza bantuan itu sangat bermakna sekali gus mengurangkan kesukaran hidup dialami menerusi pendapatan mengambil upah menjahit secara kecil-kecilan.

"Alhamdulillah, PZSW banyak membantu kami sekeluarga. Bukan itu sahaja, PZSW juga menawarkan kepada kami projek menyediakan makanan untuk sebarang aktiviti di UiTM termasuk program khidmat masyarakat.

"Malah, PZSW juga yang menghubungkan kami kepada Lembaga Zakat Selangor sehingga kami layak memperoleh bantuan modal berupa sebuah lori untuk kegunaan suami saya berniaga," katanya.



**FALIZA TALIB menerima bantuan modal berupa peralatan mesin jahit.**

Headline	Guan Eng didakwa enggan pertimbangan secara baik		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	28 Apr 2016	Color	Full Color
Section	Dlm Negeri	Circulation	171,663
Page No	8	Readership	563,000
Language	Malay	ArticleSize	159 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 3,143
Frequency	Daily	PR Value	RM 9,428




## Guan Eng didakwa enggan pertimbangan secara baik

### PULAU PINANG 27 April

- Pengerusi PKR negeri, Datuk Mansor Othman mendedahkan Setiausaha Agung DAP yang belum disahkan jawatannya, Lim Guan Eng enggan mempertimbangkan sebarang jawaran penyelesaian secara baik untuk mengelak pertandingan tiga penjujur antara pembangkang dalam Pilihan Raya Negeri ke-11 (PRN) Sarawak.

Menurut bekas Timbalan Ketua Menteri I itu, Timbalan Presiden PKR, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali ada menghubungi Guan Eng dan mencadangkan penyelesaian pertandingan lima kerusi dengan tiga diserah kepada PKR manakala dua lagi kepada DAP untuk mengelak pertandingan tiga penjujur.

Tambah beliau, Mesyuarat Biro Politik PKR sebelum ini meletakkan keutamaan kepada proses rundingan kerusi tetapi bersedia untuk pertandingan tiga penjujur sekiranya



**MANSOR OTHMAN**

nya proses rundingan tersebut gagal.

Beliau turut mendedahkan selepas pertemuan bersama pada 7 April lalu untuk membincangkan isu pengagihan kerusi, Guan Eng mencadangkan kepada Azmin dan Naib Presiden PKR, Nurul Izzah Anwar supaya sehelai nota yang ditulis tangan mengandungi senarai kerusi ditandatangani.

Bagaimanapun, katanya, Azmin dan Nurul Izzah tidak bersetuju namun selepas dipujuk Guan Eng, hanya Azmin menandatangani yang secara prinsip bersetuju dengan pemahaman keputusan itu belum lagi muktamad.

“Persefahaman antara Guan Eng, Azmin dan Nurul Izzah mengenai mesyuarat itu ialah ia bukanlah mesyuarat muktamad kerana perbincangan akan diteruskan walaupun nota tersebut telah ditandatangani,” katanya.

Beliau berkata demikian me-

nerusi satu kenyataan yang dimuat naik dalam laman sosial Facebook PKR negeri hari ini.

Proses penamaan calon PRN Sarawak semalam mendedahkan sikap tikam belakang antara PKR dan DAP selepas kedua-dua parti yang kononnya berada dalam satu pakatan pembangkang itu bertanding menentang sesama sendiri di enam kerusi.

Sebelum ini, menerusi perjanjian bertulis berhubung pengagihan kerusi yang ditandatangani antara PKR dan DAP pada 7 April lalu, kerusi Batu Kitang, Marudi, Machan, Layar dan Belaga dikatakan diperuntukkan kepada PKR.

Kerusi Senadin, Mulu, Tasik Biru, Simanggang, Mambong, Bukit Semuja, Ngemah dan Murum pula akan ditandingi DAP.

Bagaimanapun, selepas persetujuan itu, PKR turut meletakkan calon mereka untuk bertanding menentang DAP di Mulu, Mambong, Ngemah, Simanggang dan Murum.

Ekoran itu, DAP dilihat bertindak balas dengan meletakkan calonnya menentang PKR di Batu Kitang.



isientia.mediaportal

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

# agama



DARIPADA seorang asnaf, Che Rose kini memiliki rangkaian toko Che Rose Jamu dan Kosmetik di beberapa buah negeri.

## bicarazakat



# Che Rose, asnaf yang gigih

Miliki rangkaian toko jamu, kosmetik

**Bersama HAMIZUL ABDUL HAMID**  
Perunding Dakwah Strategik Lembaga Zakat Selangor (MAIS),  
Sebarang pertanyaan sila e-melkan kepada hamizul@e-zakat.com.my dan untuk maklumat lanjut sila layari media sosial LZS di www.e-zakat.com.my, http://blog.e-zakat.com.my atau Facebook.com/lembagazakat.selangor.MAIS.

**“S**AYA dapat bantuan dari Lembaga Zakat Selangor (LZS) dengan jumlah yang kecil, tetapi semangat saya besar. Saya berfikir, jika di tangan ada RM2,500 bagaimana nak gandakan jadi RM10,000. Apabila berjaya mendapat RM10,000, bagaimana untuk jadinya RM40,000. Saya berusaha tanpa jemu dengan bantuan Allah SWT, saya nampak hasilnya.”

Itulah prinsip Rosanah Barahim, 48, atau lebih senang dipanggil Che Rose ketika ditemui di bilik pameran miliknya di Seremban 2, Negeri Sembilan, baru-baru ini. Beliau kini benar-benar berubah. Daripada hanya seorang asnaf, Che Rose kini memiliki rangkaian toko Che Rose Jamu dan Kosmetik di beberapa buah negeri.

“Saya masih ingat, pemilik sebuah toko jamu dan kesihatan di Kampung Baru Kuala Lumpur amat terperanjat apabila saya mahu membuat hutang mengambil barangan berjumlah RM40,000 dari kedainya. Ketika itu saya hanya ada RM10,000 tetapi mahu ambil barang RM40,000. Biar pun terkejut, saya yakinkan dia bersungguh-sungguh. Akhirnya dia percaya, walaupun pekerjaanya tidak bersetuju,” katanya.

### TIDAK DATANG BERGOLEK

Sebenarnya secara realiti bukan mudah mencipta kejayaan. Semuanya mempunyai perhitungan. Che Rose bermula dari anak tangga paling bawah, berbekalkan keyakinan dia mendaki. Jika tiada kekuatan hati, boleh terduduk dan tidak bangkit-bangkit lagi. Apatah lagi dia adalah ibu tunggal orang kurang upaya (OKU) yang terpaksa menanggung empat orang anak.

“Saya pernah naik turun dari satu pejabat ke satu pejabat, menjual produk dan jamu. Ketika itu, kedai saya di kawasan Batu Caves, Selangor kurang mendapat sambutan. Saya tertunggak tujuh bulan menjelaskan hutang.

“Saya tahu, jika terus menunggu maknanya barang saya tak laku. Memang penat, tetapi saya nekad. Alhamdulillah, dari situlah Allah bukakan jalan. Saya dipertemukan dengan seorang usahawan bumiputera di Bangi, Selangor,” cerita



CHE ROSE sambil diperhatikan oleh Khairina (tengah) menerangkan mengenai kaedah penggunaan produk yang dijual kepada seorang pekerjaanya.

Che Rose, usahawan itulah yang memberikannya harapan. Tambah beliau, individu berkenaan memberikan produk syarikatnya untuk dijual dengan permulaan sebanyak 20 kotak, kemudiannya ditambah lagi kuantitinya dan semuanya berjaya dijual dalam tempoh yang singkat hingga berjaya meyakinkan usahawan itu untuk melantiknya sebagai ejen tunggal produk berkenaan.

“Untuk berjaya kena ada semangat dan kemahuan dalam diri sendiri. Jika LZS bagi banyak mana pun modal, tetapi jika asnaf tiada kemahuan sendiri, maka susah untuk berjaya. Saya rasai sendiri, dengan modal kecil, saya boleh maju. Saya tahu, ada dalam kalangan kawan-kawan asnaf yang dapat modal lebih besar namun mereka gagal. Puncanya kerana kurang kemahuan.

“Saya selalu berkata kepada diri sendiri, ‘aku tidak gagal.’ Saya juga nekad, tidak mahu terus dibantu zakat. Jika boleh, biar ia bantuan terakhir. Saya tidak malu. Walhal saya ini golongan OKU iaitu tempang. Dari situ saya dapatkan kekuatan,” katanya.

### PERTOLONGAN ALLAH

Menghimbau sejarah lalu, Che Rose akui dia melalui zaman yang getir. Membesarkan empat orang anak sendirian, bukanlah kerja yang mudah. Apatah lagi anak-anaknya juga berpotensi dalam pelajaran.

“Dulu mahu makan pun berfikir dua kali. Walau perut lapar, saya sabar.



28 Apr 2016  
Utusan Malaysia, Malaysia

Author: No author available • Section: Mega • Page: 20,21 • Printed Size: 1076.00cm<sup>2</sup>  
Market: KL • Country: Malaysia • Photo: Full Color • Ad Value: MYR 21,266.40  
PR value: MYR 63,799.20 • Item ID: MY0025886736



isentia.mediaportal

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

Page 2 of 2



Saya akan jawab kenyang jika ditanya orang. Sering saya keluar awal pagi dan balik lewat petang. Saya bimbit raga untuk jual barang. Di rumah pula saya ada dua pasang anak yang perlu dijaga. Alhamdulillah, saya dikurniakan anak-anak yang mendengar kata. Mereka mudah dibentuk," katanya.


Pada masa ini, anak pertamanya Khairina Khairuddin, 31, sama-sama membangunkan perniagaannya setelah menamatkan pendidikan di Kolej Teknologi Timur Sepang, Selangor. Anak keduanya, Mohd. Khairen, 30, seorang pegawai bank lulusan Universiti Tenaga Nasional.

Anak ketiganya, Khaireza, 27, bertugas sebagai pegawai perubatan di Hospital Tuanku Jaafar, Negeri Sembilan setelah mendapat ijazah perubatan dari Universiti Alexandria, Mesir; anak keempat, Mohd. Irwansyah, 16, masih di bangku sekolah.

"Selain dibantu anak-anak, saya mempunyai empat orang pekerja sepenuh masa. Selain dua buah cawangan sedia ada di Seremban dan Kuantan, saya juga sudah menandatangani kontrak menyewa premis di Sungai Petani, Kedah. Di Selangor, saya berhasrat membuka cawangan di sekitar Puncak Alam. Saya juga mempunyai sebuah lori," katanya penuh kesyukuran.

Apa yang lebih membanggakan, Che Rose tidak lupa dari mana dia berasal. Dengan keuntungan perniagaannya, dia menunaikan zakat. Malah turut berjanji untuk berkongsi pengalaman membangunkan usahawan asnaf jika diberikan peluang.

**NOTA:** Toko Che Rose Jamu Kosmetik merupakan pengedar tunggal bagi produk Nutri Khaira juga pengedar bagi Zahra Collagen dan pemakanan tambahan serta banyak lagi produk kesihatan. Che Rose boleh dihubungi di talian 012-629 6060, 06-601 2762 atau email [crosej14@yahoo.com](mailto:crosej14@yahoo.com).



28 Apr 2016

Utusan Malaysia, Malaysia

Author: No author available • Section: Sukan • Page: 31 • Printed Size: 276.00cm<sup>2</sup>  
Market: KL • Country: Malaysia • Photo: Full Color • Ad Value: MYR 5,454.95  
PR value: MYR 16,364.85 • Item ID: MY0025886877



isentia.mediaportal

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

Page 1 of 1

# Ketiadaan Patrick jejaskan Selangor

Oleh **FADHILUL IZMEL ISHAK**

sukan@utusan.com.my

■ **KUALA LUMPUR 27 APRIL**

**P**ENGENDALI Selangor, Zainal Abidin Hassan mengakui ketiadaan penyerang dari Liberia, Patrick Ronaldinho yang terpaksa dikeluarkan akibat kecederaan sewaktu menentang Ceres FC telah merencatkan corak permainan *Red Giants* dalam perlawanan Kumpulan E, Piala AFC kelmarin.

Katanya, selepas Ronaldinho dikeluarkan pada minit ke-20 jentera serangan Selangor hilang punca dan gagal mengambil kesempatan meskipun dihidangkan dengan beberapa peluang terbaik dalam perlawanan yang akhirnya berkesudahan seri 0-0.

“Saya terkilan kerana tidak dapat tiga mata, namun kesungguhan pemain wajar diberi pujian kerana mereka berusaha hingga minit terakhir permainan, terutama pada babak kedua. Itu menunjukkan pemain tahu betapa pentingnya tiga mata, cuma tiada gol dapat dihasilkan.

“Saya tidak nafikan apabila Patrick dike-

luarkan memang nampak sedikit kecacatan di bahagian atas dan itu tidak boleh disangkal, namun pemain terus mencipta peluang cuma kita tiada penjaring gol untuk menyempurnakan percubaan.

“Beberapa peluang telah dicipta, namun gagal disempurnakan. Patrick tidak mengalami kecederaan serius, cuma hentakan di bahagian pinggulnya dan saya rasa dalam tiga atau empat hari dia boleh pulih sepenuhnya,” kata Zainal selepas tamat perlawanan di Stadium Majlis Perbandaran Selayang.

Perlawanan tersebut berlangsung dengan amat membosankan apabila kedua-dua pasukan terlalu berhati-hati, malah tiada sebarang percubaan ke arah gawang dilakukan dalam 10 minit pertama.

Kata Zainal lagi, sebelum perlawanan dia tidak peduli dengan keputusan yang dicatatkan dalam satu lagi saingan Kumpulan E antara Sheikh Jamal menentang Tampines Rovers, biarpun kemenangan mengejut 3-2 yang dilakar Sheikh Jamal membuka ruang kepada *Red Giants* untuk melonjak ke anak tangga kedua dengan lapan mata, sekali gus berpeluang untuk ke pusingan kedua.



**PENYERANG** Selangor, Mario Olivi (kiri) berjaya melepaskan diri daripada kawalan pemain Ceres FC, Stuele Martin (kanan) dalam perlawanan Piala AFC di Stadium Majlis Perbandaran Selayang, kelmarin. - UTUSAN/AMIN FARIJ HASAN





28 Apr 2016

Berita Harian, Malaysia

Author: No author available • Section: Nasional • Page: 20 • Printed Size: 152.00cm<sup>2</sup>  
Market: KL • Country: Malaysia • Photo: Full Color • Ad Value: MYR 5,219.00  
PR value: MYR 15,657.00 • Item ID: MY0025886480



isentia.mediaportal

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

Page 1 of 2

# Operasi kafe siber hingga 12 tengah malam

**Putrajaya:** Operasi pusat atau kafe siber di bawah pentadbiran Majlis Perbandaran Sepang (MPSepang) adalah terhad daripada jam 7 pagi hingga 12 tengah malam sahaja.

Yang Dipertua MPSepang, Datuk Puasa Md Taib, menegaskan pengusaha yang beroperasi melebihi jam 12 tengah malam akan dikenakan tindakan.

“Pengunjung di bawah usia 12 tahun, dibenarkan mengunjungi pusat atau kafe siber sehingga

jam 10 malam sahaja dengan ditemani oleh ibu bapa atau penjaga yang sah sepanjang masa.

“Selain itu, tiada kelonggaran atau pengecualian waktu operasi

bagi pusat atau kafe siber, mahupun yang terletak berhampiran pusat pengajian,” katanya.

Puasa berkata, pengusaha pusat atau kafe siber boleh dikenakan tindakan mengikut Undang-Undang Kecil Pusat Siber Dan Kafe Siber (Majlis Perbandaran Sepang) 2007 dan Pekeliling Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor (Seksyen Kerajaan Tempatan) PBT:SPBT bil.2/2012, sekiranya melanggar peraturan.

“Lesen boleh dibatalkan sekiranya pemilik premis membuat pelanggaran syarat atau larangan melebihi tiga kali setahun,” katanya.

Katanya, antara syarat yang

perlu dipatuhi bagi pengoperasian sesebuah pusat atau kafe siber termasuk pengusaha perlu mengisi borang permohonan lesen berisiko di MPSepang dan mengembalikan permohonan lengkap untuk diproses.

“Mereka juga perlu mendapatkan kelulusan dan ulasan Ibu Pejabat Polis Daerah Sepang dan mendapat kelulusan di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Kawalan Perniagaan dan Kesihatan.

“Selain itu, pusat atau kafe siber juga hanya boleh beroperasi di kompleks perniagaan, rumah kedai atau kedai pejabat saja,” katanya.



28 Apr 2016  
Berita Harian, Malaysia

Author: No author available • Section: Nasional • Page: 20 • Printed Size: 152.00cm<sup>2</sup>  
Market: KL • Country: Malaysia • Photo: Full Color • Ad Value: MYR 5,219.00  
PR value: MYR 15,657.00 • Item ID: MY0025886480



[isentia.mediaportal](http://isentia.mediaportal)

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.



Puasa Md Taib



28 Apr 2016

Berita Harian, Malaysia

Author: No author available • Section: Nasional • Page: 25 • Printed Size: 243.00cm<sup>2</sup>  
Market: KL • Country: Malaysia • Photo: Full Color • Ad Value: MYR 8,376.42  
PR value: MYR 25,129.26 • Item ID: MY0025886489



isentia.mediaportal

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

Page 1 of 1

# Kafeteria UiTM terbakar

**Shah Alam:** Kakitangan dan orang awam yang berurusan di Fakulti Komunikasi dan Pengajian Media Universiti Teknologi MARA (UiTM), di sini gempur selepas dapur di satu daripada gerai di kafeteria di situ, terbakar pagi semalam.

Dalam kejadian pada jam 8 pagi itu, asap tebal memenuhi ruang kafeteria yang terletak di aras bawah bangunan, menyebabkan orang ramai yang sedang bersarapan dan pekerja bergegas keluar.

Penolong Pengarah Operasi Jabatan Bomba dan Penyelamat Selangor, Mohd Sani Harul, berkata kebakaran itu bermula di gerai menjual kuih-muih apabila api pada tungku menyambar da-

pur berkenaan.

## Pekerja padamkan api

Bagaimanapun, katanya, kebakaran itu tidak sempat merebak selepas sistem pemercik air terpasang.

“Pada masa sama, ada pekerja di situ yang menggunakan hos pemadam api untuk memadamkan kebakaran.

“Api sudah dipadamkan ketika anggota bomba tiba dan mereka kemudian menjalankan kerja pemeriksaan bagi memadamkan bara yang masih ada.

“Gerai berkenaan terbakar 50 peratus dan tiada kemalangan jiwa atau kecederaan dilaporkan. Jumlah kerugian masih dalam siasatan,” katanya.



Dapur sebuah gerai di kafeteria Fakulti Komunikasi dan Pengajian Media UiTM terbakar, semalam.

[FOTO IHSAN PEMBACA]



28 Apr 2016

Berita Harian, Malaysia

Author: No author available • Section: Sukan • Page: 49 • Printed Size: 253.00cm<sup>2</sup>  
Market: KL • Country: Malaysia • Photo: Full Color • Ad Value: MYR 8,721.13  
PR value: MYR 26,163.39 • Item ID: MY0025886928

isentia.mediaportal

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.



Page 1 of 2

# Selangor hanya perlu satu mata untuk ke peringkat kalah mati

**Kuala Lumpur:** Selepas terikat tanpa jaringan menentang Ceres La Salle FC kelmarin, Selangor hanya memerlukan sekurang-kurangnya satu mata ketika menentang Tampines Rovers dalam aksi terakhir Kumpulan E untuk mara ke peringkat kalah mati saingan Piala AFC buat kali pertama sejak 2013.

Meskipun situasi itu dilihat lebih berpihak kepada The Red Giants, pengendalinya, Zainal Abidin Hassan enggan terlalu yakin kerana peluang masih lagi terbuka buat Tampines Rovers yang turut mahu mara lebih jauh bagi saingan kali ini.

"Saya sudah mengingatkan anak buah saya bahawa perlawanan terakhir menentang Tampines Rovers akan menjadi penentu kepada hala tuju pasukan ini.

"Walaupun kita sekadar memerlukan seri untuk layak ke peringkat kalah mati, saya yakin kita berdepan aksi yang sengit memandangkan lawan begitu terdesak untuk mendapatkan tiga mata bagi membolehkan mereka mara ke peringkat seterusnya.

"Jadi, kita juga tidak boleh bersenang lenang kerana apa sahaja boleh terjadi dalam 90 minit. Kami juga tidak boleh sekadar menasaskan seri dan perlu juga mengutip tiga mata

penuh untuk mengukuhkan kedudukan kami," katanya pada sidang media selepas tamat perlawanan di Stadium Selayang, kelmarin.

## Ceres kekal pendahulu

Ceres kekal selaku pendahulu Kumpulan E dengan sembilan mata manakala Selangor melonjak ke tangga kedua selepas mencatat lapan mata dan berkelebihan satu mata mengatasi kelab Liga Singapura (Liga S) itu dengan masing-masing berbaki satu perlawanan lagi.

Mengulas lanjut persembahan anak buahnya menentang The Busmen, bekas pengendali Pahang itu mengakui ketiadaan ledak berbisa, Patrick Ronaldinho Wleh yang sekadar beraksi 20 minit mencatatkan rentak serangan mereka sehingga bergelut untuk menghasilkan gol.

"Kita mencipta beberapa peluang, namun tiada penjaring gol di atas padang untuk menyudahkan setiap peluang yang dapat dihasilkan.

"Walaupun saya gembira dengan prestasi pertahanan yang semakin bertambah baik, kita tidak akan dapat memenangi perlawanan jika kita gagal mendapatkan sebarang gol," katanya.

**Oleh Syafiq Aznan**



28 Apr 2016  
Berita Harian, Malaysia

Author: No author available • Section: Sukan • Page: 49 • Printed Size: 253.00cm<sup>2</sup>  
Market: KL • Country: Malaysia • Photo: Full Color • Ad Value: MYR 8,721.13  
PR value: MYR 26,163.39 • Item ID: MY0025886928



isentia.mediaportal

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.





28 Apr 2016  
Harian Metro, Malaysia

Author: No author available • Section: Setempat • Page: 12 • Printed Size: 43.00cm<sup>2</sup>  
Market: KL • Country: Malaysia • Photo: Black/white • Ad Value: MYR 989.00  
PR value: MYR 2,967.00 • Item ID: MY0025886963

 isentia mediaportal

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.



Page 1 of 1

## Aplikasi status halal

**Shah Alam:** Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) bercadang mewujudkan aplikasi telefon pintar bagi memudahkan pengguna memeriksa status halal sesebuah premis atau produk.

Selain memudahkan pengguna, aplikasi itu juga dijangka membantu pihak berwajib mengemas kini status premis dan produk berdaftar dengan lebih teratur.

Pengarah JAIS Datuk Haris Kasim berkata, pihaknya dalam proses perbincangan dengan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) mengenai perkara itu dan berharap ia dilaksanakan segera.

“Seperti yang diketahui, pemegang sijil halal sentiasa dipantau JAKIM antara tiga hingga enam bulan supaya syarat halal sentiasa dipatuhi,” katanya.

Headline	3 LOKASI BEZA AKTIVITI DI SHAH ALAM		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	28 Apr 2016	Color	Full Color
Section	Santai	Circulation	1,270,667
Page No	14	Readership	3,812,000
Language	Malay	ArticleSize	718 cm <sup>2</sup>
Journalist	Shuhada Mansor	AdValue	RM 28,176
Frequency	Daily	PR Value	RM 84,528



**Shuhada Mansor**  
gen.y@hmetro.com.my

# 3 LOKASI BEZA AKTIVITI DI SHAH ALAM

Kunjungi tiga tempat untuk laku kegiatan jika berkunjung ke ibu negeri Selangor

**Shah Alam, Selangor** bandar yang lebih tenang berbanding di ibu kota. Meskipun jaraknya tidak terlalu jauh namun suasana berbeza. Bagi anda yang tinggal di bandar atau tidak tahu ke mahu untuk lepak jika ke sana, tiga lokasi ini boleh dikunjungi.

## CABAR ADRENALINA - LITAR GO-KART

Berbeza dengan hanya melepak di kafe atau kedai makan, cuba aktiviti yang pastinya mencabar adrenalina. Tidak tanya untuk lelaki, si gadis juga boleh mencuba suka go-kart ini kerana dilengkapi peralatan keselamatan. Litar di lingkungan tempat letak kereta Stadium

Shah Alam ini mudah diakses. Ambil pakej go-kart seperti Cadet K80 Hire Kart, Yamaha 100 Hire Kart dan banyak lagi berdasarkan tahap kemahiran memandu anda pada harga berpatutan.

## KOLEKSI FOTOGRAFI - LAMAN SENI 7

Untuk anda yang sukakan koleksi gambar menarik untuk dimuat naik di Instagram, Laman Seni 7 adalah lokasi tepat. Berada di Seksyen 7, atau lebih spesifik di lorong belakang Jalan Plumbum 7/Q, pelbagai lukisan mural dengan konsep unik ada di sini.

Motif berbeza dan imej seni anak tempatan yang terpilih melalui Pertandingan Laman Seni 7 Shah Alam dipamerkan di sepanjang lorong ini.

Bagi Gen Y, anda pasti suka kerana konsepnya artistik dan 'cool' untuk mengambil gambar.

## LEPAK SANTAI - I-CITY

Selain Uptown yang kebiasaannya dikunjungi waktu malam, apa kata pilih I-City untuk lepak santai. Diterangi cahaya lampu dengan konsep taman tema fantasi sering dibanjiri pengunjung untuk melihat dekorasi pokok bermandi cahaya digital dan penuh warna-warni.

Rumah Salji turut dibuka sehingga waktu malam tarikan utama. Waktu siang pula, taman tema air, 'Red Carpet' atau muzium lilin dan galeri lukisan '3D The Trick Art' boleh dikunjungi bersama teman atau keluarga.

>> Aksi terakhir Harimau Selatan menentang Bengaluru di Larkin 11 Mei ini

HARIAN METRO

FOTO: JOHOR SOUTHERN TIGERS



AMIRUL meraikan jaringan penyamaan Johor DT bersama rakan sepasukan.

PEMAIN Selangor Mauro Olivi (kanan) mengasak pemain Ceres pada aksi di Selayang, kelmarin.

# Harimau terus kebal

■ Johor DT juarai Kumpulan H selepas benam Ayeyawady di Yangon

Rizar Mohd Noor  
rizar@hmetro.com.my

Johor Bahru

